



SYARAT-SYARAT KEAHLIAN DAN YURAN KEAHLIAN KELAB SUKARELAWAN PACUAN EMPAT RODA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kriteria keahlian kelab ini adalah seperti berikut:

1. **Ahli Biasa**; terbuka kepada semua kakitangan Universiti Malaysia Sabah sama ada mempunyai kenderaan pacuan empat roda atau mereka yang meminati aktiviti kesukarelawan komuniti. Warganegara Malaysia atau Bukan Warganegara Malaysia dan mestilah berumur 18 tahun ke atas.
2. **Ahli Bersekutu**; mereka yang bukan terdiri daripada kakitangan UMS sama ada mempunyai kenderaan pacuan empat roda atau mereka yang meminati aktiviti kesukarelawan komuniti dan menyokong Pertubuhan boleh menjadi Ahli Bersekutu dengan syarat ianya dicadangkan oleh sekurang-kurangnya dua orang Ahli Biasa dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pertubuhan. Warganegara Malaysia atau Bukan Warganegara Malaysia dan mestilah berumur 18 tahun ke atas. Mereka tidak boleh mengundi dan tidak boleh memegang jawatan dalam Pertubuhan.
3. **Ahli Kehormat**; terdiri daripada mereka yang berjasa kepada masyarakat dan boleh memberi sumbangan kepada Pertubuhan. Mereka ditentukan oleh Jawatankuasa dan terkecuali dari pembayaran yuran. Mereka tidak boleh mengundi dan tidak boleh memegang jawatan dalam Pertubuhan.

Bayaran masuk keahlian kelab dan yuran tahunan adalah seperti berikut:

1. **Bayaran masuk**; untuk Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu adalah sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia: dua ratus sahaja)
2. **Yuran Tahunan**; untuk Ahli Biasa adalah sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: satu ratus sahaja) dan untuk Ahli Bersekutu adalah sebanyak RM80.00 (Ringgit Malaysia: lapan puluh sahaja)